

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN KAMAR KHAS**  
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SRI DR. S. SUBRAMANIAM**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**Ucapan : YB Puan Teo Nie Ching (Kulai)**

**Tajuk Ucapan : Penggantungan Ujian Lab dan Kekurangan  
Bekalan Perubatan**

**Tarikh Ucapan : 25 Oktober, 2016 (Selasa)**

**Kementerian :Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Tuan Yang diPertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menafikan bahawa situasi pemotongan bajet sebanyak RM280 juta dan juga pertambahan pesakit sebanyak 8% sejak Januari sehingga Mei tahun ini berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas merupakan satu cabaran yang besar untuk mengekalkan perkhidmatan yang terbaik diberikan kepada kepada pesakit. Keadaan kekurangan peruntukan dan bekalan reagen yang terhad ini telah menyebabkan beberapa buah hospital di beberapa negeri mengambil inisiatif memberhentikan secara sementara beberapa ujian makmal. Walaubagaimanapun, ujian-ujian yang diberhentikan adalah ujian-ujian yang tidak kritikal dan pendiagnosan boleh dilakukan dengan alternatif lain (*Clinical Judgement* dan ujian-ujian bukan makmal) tanpa menjejaskan pesakit.

Sehingga kini, Negeri Selangor dan Negeri Johor adalah dua negeri yang terjejas akibat krisis kewangan ini berbanding di negeri lain. Ini memandangkan kedua-dua negeri ini mempunyai lebih banyak Hospital Berpakar yang turut berperanan sebagai hospital rujukan samaada aspek perkhidmatan perubatan dan juga ujian-ujian makmal.

Selain itu, hanya sebilangan kecil hospital-hospital di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Pulau Pinang dan Kedah yang hanya memberhentikan beberapa ujian makmal.

Manakala, bagi kesemua hospital-hospital di negeri Melaka, Perak, Sabah dan Sarawak tiada ujian-ujian yang diberhentikan. Ujian-ujian yang ditawarkan masih dijalankan samaada bagi ujian asas/kritikal ataupun ujian tidak kritikal, namun dalam kuantiti yang terhad. Oleh yang demikian, beberapa pendekatan telah diambil bagi memastikan ujian-ujian ini dapat diteruskan dengan mengawal jumlah permohonan terutamanya ujian-ujian yang tidak kritikal seperti ujian-ujian khas/ujian-ujian yang mahal, memastikan ujian yang dipohon memenuhi justifikasi dan mengurangkan kekerapan ujian diulang terutamanya bagi penyakit-penyakit kronik. Langkah-langkah penjimatan lain seperti yang diterangkan di dalam Garis Panduan Penjimatan Perkhidmatan Patologi juga dilaksanakan dan kesemua pendekatan ini telah dibincangkan dan dipersetujui oleh perkhidmatan-perkhidmatan lain di hospital masing-masing.

KKM sememangnya tidak memandang enteng dan mudah mengenai perkara ini. Oleh yang demikian, Kementerian telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dapat diteruskan. Bantuan peruntukan tambahan telahpun diagihkan kepada setiap negeri bagi mengatasi krisis kewangan ini. Pada waktu yang sama, langkah-langkah mengoptimalkan ujian-ujian makmal telahpun mula dilaksanakan di setiap hospital KKM dengan kerjasama daripada perkhidmatan-perkhidmatan lain di bawah Program Perubatan. Satu garis panduan mengenai mengoptimalkan ujian-ujian makmal ini akan diedarkan dalam masa yang terdekat supaya dapat dipraktikkan secara menyeluruh bermula pada tahun ini dan sepanjang tahun-tahun hadapan.

KKM akan terus komited dalam usaha menyediakan perkhidmatan kesihatan yang mantap kepada rakyat di semua fasiliti kesihatan yang sedia ada.

**Tuan Yang diPertua,**

Semua fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik buat rakyat dan pada masa yang sama mengamalkan perbelanjaan secara optimum. Langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan telah dilaksanakan di semua fasiliti KKM semenjak tahun 2009 dan sentiasa ditambah baik secara berterusan. Langkah-langkah berikut telah diambil bagi memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan yang disampaikan:

- A. Ubat-ubatan bagi penyakit kronik seperti diabetes dan hipertensi dibekalkan secara bulanan untuk mengurangkan risiko kerosakan ubat dalam simpanan pesakit dan mengelakkan pembaziran;
- B. KKM menawarkan pembekalan ubat susulan melalui inovasi seperti Farmasi Pandu Lalu (Drive Through), Sistem Pembekalan Ubat Bersepadu (SPUB), Ubat Melalui Pos 1Malaysia (UMP1M) dan sistem farmasi temujanji yang lain. Pesakit boleh menjimatkan masa dan kos melalui perkhidmatan ini;
- C. Meningkatkan kefahaman pesakit dan pematuhan terhadap arahan pengambilan ubat yang dibekalkan sewaktu pendispensan atau sesi kaunseling supaya matlamat rawatan dapat dicapai sepenuhnya;

D. Pesakit digalak membawa baki ubat setiap kali datang ke hospital atau klinik kesihatan sama ada untuk mendapatkan bekalan ubat susulan ataupun dimasukkan ke wad. Amalan ini dapat mengelakkan kesilapan pengubatan kerana ubat-ubatan yang dibekalkan sentiasa dipantau dan pembekalan ubat adalah mengikut keperluan pesakit sahaja; dan

E. Mengutamakan perolehan dan penggunaan ubat-ubatan generik yang lebih ekonomik dan memberi kesan terapeutik yang sama dengan ubat-ubatan innovator.